

# Kajian gigi palsu bantu pelajar UM raih kejayaan antarabangsa

Pelajar Phd  
Dr Norlela Yacob  
individu pertama  
menang Anugerah  
Arthur R Frechette

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kajian pembuatan gigi palsu secara cetakan tiga dimensi (3D) memberi kejayaan buat penuntut pasca ijazah dari Fakulti Pergigian Universiti Malaya (UM), Dr Norlela Yacob apabila menjadi individu pertama di Malaysia memenangi Anugerah Arthur R Frechette, bulan lalu.

Dr Norlela yang merupakan penuntut PhD dari Jabatan Pergigian Restoratif di Fakulti Pergigian UM menerima anugerah itu di Persidangan Penyelidikan Pergigian dan Pameran Antarabangsa (IADR) ke-100.

Ia diadakan secara maya yang berpusat di Chengdu, China pada 25 Jun lalu.

Kajian beliau bertajuk *3D printed Denture-base Resin Reduces Affinity for Microbial Adherence* berjaya dipilih sebagai pemenang bagi kategori Sains Material pada tahun ini.

Ia berkaitan dengan pelekatan



Contoh gigi palsu dihasilkan Dr Norlela yang melayakkannya memenangi Anugerah Arthur R Frechette, bulan lalu.



Kajian Norlela membantu mengurangkan pelekatan bakteria pada gigi palsu dalam kalangan mereka yang berusia.

golongan geriatrik," katanya kepada BH, di sini.

Anugerah berprestij itu diperkenalkan pada 1991 bagi mengenang jasa Prof Arthur R Frechette, pakar prostodontik.

Atas kemenangannya itu, Dr Norlela yang juga tenaga pengajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima hadiah bernilai AS\$1000 (RM4,428) dan plak kemenangan berserta sijil penghargaan yang ditaja oleh Whip Mix Corporation.

Bagaimanapun, setiap kejayaan pasti ada cabaran tersendiri dan ia turut berlaku kepada Dr Norlela apabila hampir menarik diri daripada pertandingan ini selepas dicalonkan.

Dr Norlela berkata, ia disebabkan kekangan masa dihadapinya bagi menyiapkan laporan penuh kajian berikutan pada masa sama beliau perlu menyiapkan kajian lanjutan secara klinikal.

Namun tegasnya, pengorbanan dan berkat usaha gigih serta dedikasi dirinya bersama penyelia yang sanggup bekerja walaupun pada cuti hari raya Aidilfitri yang lalu membuah hasil.

"Saya amat bersyukur kerana ternyata segala penat lelah ini berbayar akhirnya.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pergigian UM yang memberikan dana geran penyelidikan serta dana perjalanan menghadiri persidangan ini," katanya.

bakteria dan fungal pada bahan resin yang digunakan bagi membuat gigi palsu secara cetakan 3D.

## Pelekatan bakteria lebih rendah

"Perkembangan teknologi reka bentuk berbantuan komputer (CAD) membolehkan pergigian digital berkembang pesat termasuk fabrikasi gigi palsu dari cetakan 3D.

"Ia membolehkan pesakit menerima gigi palsu dengan lebih pantas dan dalam masa yang singkat.

"Melalui hasil penyelidikan ini, saya menemukan pelekatan bakteria adalah lebih rendah dan jangka mengurangkan jangkitan kulat dan lesi mulut yang disebabkan pemakaian gigi palsu terutama